



Khamis – 21 Januari 2021

Halaman : 7

PKPD di kampung Orang Asli Batu 6 mulai hari ini

Kuala Lumpur: Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang, Batang Padang di Perak menjadi lokaliti terbaharu dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Di-perketatkan (PKPD), bermula hari ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ujian saringan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) ke atas penduduk yang bergejala dan kontak rapat sejak 14 Januari sehingga Selasa lalu, mendapati 12 kes positif COVID-19 direkodkan di lokaliti itu.

“KKM turut mengesahkan 87 kontak rapat dikuarantin ketika ini. Atas nasihat dan penilaian risiko oleh KKM, sidang khas hari ini (semalam) bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang, Batang Padang, Perak bermula 21 Januari sehingga 3 Februari depan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Penduduk di lokaliti yang dikenakan PKPD dilarang keluar dari kediaman, manakala semua aktiviti perniagaan termasuk kedai runcit dan kedai makan di kawasan itu tidak dibenarkan.

Lokaliti berkenaan juga dikawal oleh pihak polis dibantu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Ja-



Kakitangan klinik swasta di Cyberjaya berpakaian pelindung diri (PPE) menunggu individu yang ingin menjalani ujian calitan, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

batan Sukarelawan Negara (RELA), manakala sumber makanan kepada penduduk akan disalurkan oleh pihak kerajaan.

Ismail Sabri berkata, pelaksanaan PKPD bertujuan mengawal pergerakan penduduk dan memudahkan KKM melaksanakan saringan bersasar di lokaliti yang mempunyai 494 penduduk.

Sementara itu, seramai 752 individu ditahan polis kerana meninggalki prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerusi ope-

rasi pematuhan di seluruh negara, kelmarin.

Ismail Sabri berkata, daripada jumlah itu, seramai 718 individu dikompaun, manakala 34 lagi direnan.

“Kesalahan yang direkodkan ialah tidak memakai pelitup muka 277, gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan 137 dan tiada penjarakan fizikal 128.

“Kesalahan lain ialah cubaan rentas daerah atau negeri tanpa kebenaran 73, premis beroperasi

lebih masa atau tanpa kebenaran 39 dan lain-lain 98,” katanya.

Dalam operasi pematuhan diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) kelmarin, beliau berkata, sebanyak 53,961 pemeriksaan dijalankan di seluruh negara dalam memastikan semua pihak mematuhi SOP PKP.

“Sebanyak 2,778 Pasukan Pematuhan membabitkan 11,950 anggota membuat pemantauan di 3,317 pasar raya, 4,627 restoran, 1,780 penjaja, 1,401 kilang, 3,155 bank dan 632 pejabat kerajaan.

“Selain itu, 1,061 terminal pengangkutan darat, terminal pengangkutan air (254) dan terminal pengangkutan udara (70) turut dipantau,” katanya.

Mengenai Op Benteng, Ismail Sabri berkata, seramai 57 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan dan 10 kenderaan darat dirampas dalam operasi di sempadan negara.

“Dalam operasi itu, turut dikesan 128 bot dan kapal berada di perairan negara melalui lima aktiviti penglihatan.

“Sebanyak 443 sekatan jalan raya dijalankan di seluruh negara semalam (kelmarin) menerusi Op Penawar oleh PDRM, ATM dan RELA, Op Benteng PDRM dan Op Benteng Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM),” katanya.